

BAB 1 PENDAHULUAN

1.0. Pengenalan

Dalam perbualan harian, kita sering mendengar bentuk bahasa yang mencampuradukkan dua atau lebih bahasa dalam satu ungkapan atau perbualan dalam masyarakat kita. Kewujudan bentuk bahasa demikian adalah kerana masyarakat Malaysia adalah masyarakat dwibahasa atau '*bilingual*' dan '*multilingual*', iaitu dapat bertutur atau menguasai lebih daripada satu atau dua bahasa seperti menguasai Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan bahasa dialek lain. Strategi penukaran kod ini merupakan fenomena linguistik yang lazimnya wujud di kalangan penutur dwibahasa atau di kalangan penutur yang bersifat '*multilingual*'.

1.1. Maklumat Latar Belakang

Masyarakat Cina di Malaysia memang unik kalau dibanding dengan masyarakat Cina di negara Cina, Taiwan atau Hong Kong. Ini adalah kerana masyarakat Cina di Malaysia berpeluang menguasai pelbagai bahasa selain daripada bahasa ibunda mereka sendiri dan atau Bahasa Mandarin seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Tamil. Bahasa Mandarin atau bahasa dialek yang digunakan oleh mereka semasa berinteraksi di antara

penutur Cina yang lain juga berlainan, iaitu telah dipengaruhi oleh bahasa-bahasa tempatan yang lain hingga kadang-kala telah mewujudkan satu keadaan yang dikenali sebagai 'bahasa rojak' (Teo Kok Seong, 1996). Namun Bahasa Mandarin tetap digunakan oleh masyarakat Cina sebagai bahasa rasmi oleh pelbagai suku kaum Cina kerana bahasa ini merupakan alat komunikasi antara mereka yang menggunakan pelbagai dialek seperti Hokkien, Hakka, Kantonis, Teochew, Foochow dan sebagainya. Selain itu Bahasa Mandarin merupakan bahasa standard dan bahasa pengantar di sekolah Cina.

Dalam kajian ini, penyelidik akan menarik perhatian terhadap strategi penukaran kod di kalangan masyarakat Cina khususnya guru-guru keturunan Cina dalam perbualan tidak formal mereka. Dalam bab ini, penyelidik akan membincangkan maklumat latar belakang dalam 1.1, penyata masalah yang membawa kepada kajian ini dalam 1.2, objektif kajian ini dalam 1.3, kepentingan kajian dalam 1.4, definisi atau istilah utama kajian ini dalam 1.5, batasan kajian dalam 1.6 dan kesimpulan dalam 1.7.

1.2. Penyata Masalah

Contoh:

- a) " Biasalah, semua **STUDENTS HAVE PROBLEMS WITH THE** cikgu"
- b) " Dia **IN CHARGE**lah"
- c) " **JUST NOW**, I pergi Shah Alam "

(Jacobson:1993:418-421)

Bentuk bahasa yang mencampuraduk dua atau lebih bahasa dalam satu ungkapan atau perbualan seperti contoh di atas sering kedengaran dalam perbualan masyarakat Malaysia. Kewujudan bentuk bahasa begini adalah kerana kebanyakan masyarakat kita adalah sekurang-kurangnya '*bilingual*' atau dwibahasa dan '*multilingual*', yakni mengetahui, menguasai dan menggunakan sekurang-kurangnya dua bahasa, samada Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan atau bahasa ethnic masing-masing. Bentuk bahasa yang diselang-seli antara satu bahasa dengan bahasa lain dikenali sebagai '*code switching*' atau penukaran kod dalam ilmu linguistik. Menurut ahli bahasa, penukaran kod merupakan fenomena linguistik yang lazimnya wujud di kalangan penutur dwibahasa atau di kalangan penutur yang bersifat '*multilingual*'.

Perbincangan tentang sebab yang membawa kepada penukaran kod adalah hasil kajian yang diperoleh oleh ahli bahasa semasa melakukan penyelidikan mereka dalam bidang ini. Namun masih terdapat banyak lagi sebab yang diberikan oleh ahli bahasa yang lain tentang bidang ini. Mereka masing-masing mempunyai penemuan dan pandangan sendiri tentang sebab penukaran kod itu berlaku. Ini akan dibincangkan secara terperinci dalam Bab 2. Terdapat beberapa kajian dilakukan oleh sarjana tempatan tentang penukaran kod sebagai satu strategi komunikasi. Namun kebanyakan kajian adalah mengkaji penukaran kod dari Bahasa Melayu ke Bahasa Inggeris. Contoh kajian yang dilakukan adalah seperti kajian Noor Azlina bt Abdullah (1975), Wong Khek Seng (1987), Ong Kin Suan (1990), Chin Jit Ngo (1993), Jacobson (1993), Chng Lee Siew Li (1995) dan Md. Yazid bin Othman (1995) (lihat bab 2).

Hasil penyelidikan yang dilakukan oleh penyelidik kajian ini didapati gagal mengesan kajian penukaran kod yang dilakukan di kalangan masyarakat Cina Malaysia, khususnya dari Bahasa Mandarin atau Bahasa Kantonis ke Bahasa Inggeris atau Bahasa Melayu. Menyedari hakikat ini, adalah wajar jika satu kajian khusus dibuat untuk melihat fenomena penukaran kod yang berlaku di kalangan masyarakat Cina dalam perbualan mereka secara tidak formal.

Keperluan kajian ini adalah untuk memperlihatkan kekerapan penukaran kod dan tujuan penukaran kod oleh masyarakat dwibahasa khususnya masyarakat Cina di Malaysia berdasarkan fungsi-fungsi penukaran kod wacana dan faktor-faktor sosio-budaya termasuk latar belakang pendidikan. Kajian sebegini akan menuju ke arah kefahaman tentang makna sosio-budaya penukaran kod.

Dalam kajian ini interaksi di kalangan guru-guru Cina dalam pertuturan tidak formal akan diperhatikan untuk melihat sama ada penukaran kod terjadi dari Bahasa Inggeris kepada Bahasa Kantonis, Bahasa Inggeris kepada Bahasa Mandarin, Bahasa Kantonis kepada Bahasa Mandarin atau sebaliknya. Oleh itu diharapkan kajian ini dapat mengesan mana satu pilihan bahasa yang paling kerap digunakan oleh guru-guru Cina berpendidikan Cina dan bukan berpendidikan Cina dalam melakukan penukaran kod.

1.3. Objektif kajian

Kajian ini bertujuan mengkaji penukaran kod sebagai satu strategi komunikasi yang digunakan oleh guru-guru keturunan Cina ketika berinteraksi di antara satu sama lain. Dengan berdasarkan aspek sosio-budaya, kajian ini bertujuan :

1. mengesan kekerapan penukaran kod yang berlaku di kalangan guru-guru Cina berpendidikan Cina dan bukan berpendidikan Cina ;
2. menentukan bahasa yang paling kerap digunakan sebagai pilihan dalam penukaran kod secara kuantitatif di kalangan guru-guru Cina berpendidikan Cina dan bukan berpendidikan Cina ;
3. mengkaji fungsi-fungsi penukaran kod wacana yang menyebabkan berlakunya penukaran kod di kalangan guru-guru Cina berpendidikan Cina dan bukan berpendidikan Cina dalam situasi tidak formal ;
4. mengkaji faktor-faktor sosio-budaya yang menyebabkan berlakunya penukaran kod di kalangan guru-guru Cina berpendidikan Cina dan bukan berpendidikan Cina dalam situasi tidak formal ;
5. mengkaji penukaran kod yang digunakan oleh guru-guru Cina dalam Bahasa Inggeris, Bahasa Kantonis atau Bahasa Mandarin dalam perbualan mereka secara tidak formal di peringkat kata, frasa atau klausa ; dan
6. mengesan sama ada terdapat pola-pola penukaran kod lain yang mungkin ditemui dalam kajian ini.

1.4. Kepentingan Penyelidikan

Kajian ini dilakukan untuk mengisi ketandusan penyelidikan dari segi strategi penukaran kod dengan melihat pilihan bahasa yang digunakan oleh penutur Cina berpendidikan Cina dan bukan berpendidikan Cina semasa menukar kod, sebab penutur menukar kod, aspek-aspek sosio-budaya yang mempengaruhi penukaran kod dan bahasa yang digunakan, bila penukaran kod berlaku, dan dengan siapa penukaran kod itu berlaku.

Oleh itu kepentingan penyelidikan ini dilakukan adalah diharapkan hasil kajian nanti dapat mengenalpasti bagaimana faktor sosio-budaya dan fungsi penukaran kod wacana mempengaruhi penutur menggunakan penukaran kod sebagai satu strategi komunikasi untuk menyampaikan mesejnya semasa berkomunikasi. Contohnya, melihat bagaimana penutur dapat berkomunikasi dengan lebih selesa, iaitu untuk membuat dan memahami makna melalui penukaran kod. Juga dapat melihat penggunaan bahasa dalam masyarakat '*bilingual atau multilingual*'. Tumpuan akan diberikan kepada guru-guru Cina keturunan Cina yang mempunyai latar belakang pendidikan yang berlainan dengan tujuan mengesan bagaimana latar belakang pendidikan memainkan peranan untuk mempengaruhi seseorang penutur melakukan penukaran kod.

Selain itu, diharapkan penyelidikan ini akan dapat membantu ahli akademik tempatan untuk membuat penyelidikan lanjut dalam bidang ini, menarik minat penyelidik-penyelidik untuk mengkaji pola-pola strategi komunikasi di kalangan masyarakat Cina dan mendedahkan kepada pihak umum tentang strategi komunikasi yang wujud di kalangan masyarakat Cina.

1.5. Definisi / Istilah Utama Kajian Ini

Beberapa istilah penting akan diberikan definisi yang merujuk kepada penggunaannya dalam kajian ini.

1.5.1. 'Bilingualism' dan 'Multilingualism'

Istilah 'Dwibahasa' bermaksud dua bahasa. Menurut definisi yang diberikan oleh Mackey (1957:51), '*bilingualism*' atau 'dwibahasa' ialah penggunaan dua atau lebih bahasa secara berselang-seli :

'..... bilingualism as the alternate use of two or more languages by the same individual'

Dari segi istilah sosiolinguistik, '*bilingual*' bermaksud seseorang yang dapat bertutur dengan baik dalam dua atau lebih daripada dua bahasa. Tarif 'dwibahasa' ini mencakup dua pengertian. Pertama, seseorang yang dapat bertutur dalam dua bahasa pada

kadar penguasaan yang sama dan kedua, seseorang yang mampu bertutur dalam lebih daripada dua bahasa iaitu berupaya bertutur dalam pelbagai bahasa (*multilingual*) (Daniel:1995:68).

Berdasarkan pengertian di atas, '*bilingualism*' dalam konteks kajian ini dapat dirumuskan sebagai penutur yang dapat menguasai sekurang-kurangnya dua bahasa secara baik. Pengertian '*bilingualism*' masyarakat al-Malaysia juga bermaksud '*multilingual*' iaitu mencakupi pengertian pengetahuan pelbagai bahasa dalam erti kata menguasai lebih daripada dua bahasa.

1.5.2. Penukaran Kod

Terdapat beberapa pendapat yang berbeza tentang definisi penukaran kod. Salah seorang daripada mereka adalah Gumperz. Gumperz (1982:59 dalam Wong Khok Seng 1991:1059) menjelaskan penukaran kod dalam perbualan dapat ditakrifkan sebagai penyelitan dua sistem atau subsistem kenahuan yang berbeza ke dalam sesuatu urutan ujaran (*speech exchange*) yang sama.

Valdes-Fallis (1978:1) pula mendefinisikan penukaran kod sebagai penggunaan dua bahasa berselang-seli dalam peringkat perkataan, frasa, klausa atau ayat. Bagi beliau penukaran kod dapat dikesan dengan melihat pemisahan yang jelas antara sistem

fonemik yang memperlihatkan ciri-ciri fonologi dan morfologi bahasa lain. Item-item yang diperkenalkan oleh penutur dwibahasa itu tidak memungkinkan diasimilasi yang sepenuhnya. Misalnya apabila seseorang dwibahasa (boleh bertutur dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Sepanyol) yang sedang bertutur dalam Bahasa Sepanyol dan dalam pertuturan Bahasa Sepanyol tersebut memperkenalkan perkataan, frasa, klausa atau ayat dari Bahasa Inggeris, ini bermakna dia telah menukar kod ke Bahasa Inggeris. Sebaliknya bagi penutur dwibahasa yang sama apabila penutur tersebut menukar kod ke Bahasa Sepanyol dengan memperkenalkan perkataan, klausa dan frasa dalam pertuturan yang menggunakan Bahasa Inggeris maka dia telah menukar kod ke Bahasa Sepanyol. Inilah yang dimaksudkan oleh Valdes-Fallis sebagai penukaran kod. Contoh di bawah adalah contoh penukaran kod dari Bahasa Sepanyol ke Bahasa Inggeris.

Contoh:

La consulta era eight dollars

(The Office visit was eight dollars)

(Valdes-Fallis 1978:1)

Menurut Scotton dan Ury (1977:5 dalam Wong Khek Seng 1991:1059) pula, penukaran kod bererti penggunaan dua ragam linguistik atau lebih dalam perbualan atau interaksi yang sama. Penukaran itu mungkin hanya melibatkan sepatah kata atau

pertuturan yang beberapa minit sahaja. Dalam erti kata yang lain ragam itu mungkin terdiri daripada dua bahasa yang tidak berhubung secara genetik seperti Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu ataupun daripada dua gaya dalam bahasa yang sama seperti Bahasa Melayu dalam keadaan rasmi dengan tidak rasmi di Malaysia.

Sementara Asmah Hj.Omar (1996:81) mendefinisikan penukaran kod sebagai pemasukan ayat-ayat atau tutur-tutur penuh daripada bahasa atau dialek lain apabila bercakap dalam bahasa atau dialek tertentu. Penukaran kod berlaku jika penutur mempunyai kemahiran yang baik dalam bahasa keduanya, sehingga dia dapat mengalih pemilihan daripada satu kod kepada kod yang lain seolah-olah tidak ada sebarang sekatan dalam pertuturannya itu.

Berdasarkan beberapa definisi di atas, maka bolehlah dirumuskan bahawa penukaran kod berlaku apabila terdapat penggunaan dua atau lebih ragam linguistik dalam ujaran atau dalam satu perbualan yang sama. Kejadian ini berlaku samada di peringkat perkataan, frasa atau klausa bergantung kepada situasi untuk menjayakan sesuatu interaksi.

1.5.3. Peringkat Penukaran Kod

Penukaran kod turut membabitkan penukaran kod di beberapa peringkat seperti di peringkat perkataan, frasa, klausa atau ayat. Berikut diberikan definisi mengikut peringkat penukaran kod :

1.5.3.1. Perkataan

Perkataan boleh ditakrifkan sebagai bentuk bebas yang terkecil yang membawa maksud bahawa perkataan boleh berdiri sendiri dan biasanya tidak boleh dibahagi atau dipisahkan kepada bentuk tatabahasa yang lebih kecil lagi. Contoh seperti 'baju, orang, negeri dan itu' masing-masing merupakan bentuk perkataan oleh sebab sifatnya sebagai bentuk tatabahasa yang bebas dan terkecil dan mengandungi erti (Nik Safiah Karim et al:1987:41). Berdasarkan fungsinya atau peranannya dalam aturan tatabahasa, tiap-tiap perkataan itu boleh tergolong kepada jenis-jenisnya seperti kata nama, kata kerja, kata adjektif, kata hubung, kata sendi dan sebagainya. Penukaran kod yang melibatkan perkataan adalah hanya melibatkan satu perkataan iaitu SYARAT seperti contoh berikut apabila seseorang menukar kod dari Bahasa Inggeris ke Bahasa Melayu semasa berinteraksi.

Contoh:

It is not a SYARAT, right?

(contoh sendiri)

1.5.3.2. Frasa

Frasa adalah unit yang dalam skala tatattingkat tatabahasa menduduki peringkat di atas perkataan dan di bawah klausa. Frasa ialah unit yang boleh terdiri daripada satu susunan yang mengandungi sekurang-kurangnya dua perkataan atau satu perkataan yang berpotensi untuk diperluaskan menjadi dua perkataan atau lebih tetapi binaan frasa tidak mengandungi subjek dan predikat (Ibid:1987:39). Misalnya, 'orang itu' menjadi subjek dan 'pandai' predikatnya. Berdasarkan fungsinya, frasa boleh dibahagi kepada frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif dan frasa sendi nama. Penukaran kod jenis frasa adalah seperti contoh berikut iaitu ROSAK TERUK adalah frasa dalam bentuk Bahasa Melayu:

Contoh:

If the lab ROSAK TERUK, call the company LAH

(Jacobson:1993:417)

1.5.3.3. Klausa

Klausa adalah unit di atas frasa dan di bawah ayat. Klausa ialah satu unit rangkaian perkataan yang mengandungi subjek dan predikat yang menjadi konstituen kepada ayat (Nik Safiah Karim:1987:39). Dengan perkataan lain klausa terdiri dari frasa dan merupakan unsur ayat. Sebagai konstituen dalam pembentukan ayat, klausa terbahagi kepada dua jenis iaitu klausa bebas dan klausa tak bebas. Klausa bebas ialah klausa yang boleh berdiri sendiri dan boleh bersifat sebagai ayat lengkap apabila diucapkan dengan intonasi yang sempurna. Contoh 'kamu pandai'. Klausa ini mengandungi subjek 'kamu' dan predikat 'pandai'. Klausa yang tidak dapat berdiri sendiri disebut klausa tak bebas kerana ia merupakan bahagian ayat yang amat erat hubungan dengan klausa bebas. Contoh 'kerana kamu rajin belajar' merupakan klausa tak bebas. Antara contoh penukaran kod yang melibatkan klausa adalah seperti berikut iaitu dalam bentuk klausa Bahasa Melayu:

Contoh :

We cannot add this one SEBAB INI ADALAH SATU SAJA.

(contoh sendiri)

1.5.3.4. Ayat

Ayat ialah unit pengucapan yang paling tinggi letaknya dalam susunan tatabahasa dan mengandungi makna yang lengkap. Ayat boleh terbentuk daripada satu perkataan atau susunan beberapa perkataan yang diucapkan dengan intonasi yang sempurna iaitu dimulakan dan diakhiri dengan kesenyapan (Nik Safiah Karim:1987:37). Dalam ayat itu terdapat unsur-unsur seperti klausa, frasa, perkataan dan morfem. Setiap bahasa mempunyai jumlah ayat yang tidak terhad banyak. Ayat-ayat tersebut terbahagi kepada dua golongan iaitu ayat dasar (ayat inti) dan ayat terbitan (ayat transformasi). Setiap ayat baik ayat dasar mahupun ayat terbitan mengandungi berbagai-bagai jenis atau ragam ayat seperti ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah, ayat seruan, ayat aktif, ayat pasif, ayat gabung dan sebagainya. Antara contoh yang melibatkan penukaran kod ayat adalah seperti berikut:

Contoh:

Want to talk about your career ? What do you want to be in future? APA YANG HISHAM NAK JADI ?

(Jacobson:1995:401)

1.6. Batasan Kajian

Semasa menjalankan kajian ini, beberapa kesulitan terpaksa dihadapi oleh penyelidik. Antaranya ialah untuk mendapatkan rakaman perbualan yang natural, adalah sukar untuk mengumpulkan informan yang sama untuk membuat rakaman ini setiap masa kerana waktu rehat yang berbeza. Oleh itu menyebabkan rakaman terpaksa dilakukan dalam satu jangka masa yang lama untuk mendapatkan transkrip. Apabila menulis transkrip, penyelidik menghadapi satu masalah yang amat sulit iaitu merumikan perbualan Bahasa Kantonis atau Bahasa Mandarin. Penyelidik terpaksa menggunakan HAN YUO PAN YIN untuk melakukannya dan ini memakan masa yang lama untuk menyiapkan satu transkrip.

Oleh sebab latar belakang masyarakat Cina yang agak kompleks iaitu berkebolehan menurut dalam beberapa bahasa dialek dan bahasa lain seperti Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, penyelidik terpaksa memilih satu atau dua bahasa yang sering dipertuturkan oleh mereka iaitu Bahasa Kantonis, Bahasa Mandarin, Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu. Bahasa-bahasa ini dipilih kerana didapati semasa penukaran kod dilakukan bahasa ini kerap dijadikan pilihan mereka. Kajian penukaran kod dalam bahasa lain tidak dilakukan kerana melibatkan skop yang agak luas dan memakan masa. Diharapkan kajian masa depan dapat

mendalami strategi penukaran kod dalam aspek linguistik di kalangan pelbagai lapisan dan dialek masyarakat Cina. Pemilihan guru dijadikan sasaran kajian adalah kerana ingin melihat pengaruh latar belakang yang berbeza dalam perbualan. Ini juga disebabkan lebih mudah untuk memperolehi rakaman yang natural dalam situasi tidak formal daripada kumpulan guru ini kerana penyelidik juga seorang guru, iaitu sebahagian daripada mereka, maka ini telah memudahkan penyelidik mendapatkan data daripada mereka.

1.7. Kesimpulan

Dalam bab ini telah dibincangkan tentang masalah yang membawa kepada kajian ini, kepentingan kajian, objektif kajian, istilah-istilah /konsep utama kajian dan batasan kajian. Dengan ini diharapkan dapat memberi satu gambaran tentang kajian ini yang akan dibincangkan dalam bab yang seterusnya. Dalam bab 2 seterusnya, penyelidik akan mengkaji beberapa hasil penyelidikan dari luar negara dan dalam negara tentang kajian penukaran kod yang dilakukan oleh mereka.